

# Saman FEER mahu cari kebenaran

Oleh **MANJA ISMAIL**  
dan **WAN HAMIDI WAN HAMID**

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad puas hati dengan tindakan majalah Far Eastern Economic Review (FEER) yang meminta maaf kepadanya berhubung laporan kononnya Malaysia bercadang menjual Limbang kepada Brunei Darussalam, kira-kira empat tahun lalu.

Menurut Perdana Menteri, tujuan saman itu ialah mencari kebenaran dan beliau beliau puas hati kerana majalah berkenaan sudah mengaku ia membuat kenyataan tidak berasas.

"Yang penting bagi saya ialah pengakuan FEER bahawa laporannya tidak berasas. Dan dia sekarang mengaku bahawa laporannya memang tidak berasas dan dia membayar ganti rugi kos \$50,000.

"Bagi kita, ini sudah mencapai matlamat. Kita bukan nak cari duit, tetapi kita mahu cari kebenaran," katanya menjawab soalan pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, semalam.

Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman kelmarin memberitahu Mahkamah Tinggi, FEER dan Perdana Menteri bersetuju menyelesaikan kes itu di luar mahkamah dengan majalah itu memberi bayaran kos \$50,000 kepada Datuk Seri Dr Mahathir, menarik balik laporan itu dan meminta maaf secara terbuka dalam keluarannya yang akan datang.

Tan Sri Abu Talib berkata, Perdana Menteri

juga bermurah hati tidak mahu menuntut ganti rugi berhubung kes itu.

Dalam mesyuarat MT semalam, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ahli MT juga membincangkan mengenai matlamat Malaysia untuk menjadi negara maju dalam tempoh 30 tahun dari sekarang serta fungsi Umno sebagai parti politik dalam pencapaian matlamat itu.

Katanya, Umno perlu terus kukuh untuk menjamin kestabilan politik negara bagi memudahkan pencapaian matlamat ekonomi, khususnya menjadikan Malaysia sebagai negara maju pada tahun 2020.

"Kita berpendapat bahawa perkara yang penting sekali bagi Umno ialah menentukan kestabilan parti ini supaya kita akan dapat wujudkan kerajaan yang kukuh dan kuat.

"Kekukuhan itu pula akan menentukan negara kita stabil di segi politik yang mana ini akan memudahkan pencapaian matlamat ekonomi yang sudah ditentukan oleh negara," ujarnya.

Dalam kertas kerjanya 'Malaysia: Maju Ke Depan' yang dibentangkan dalam mesyuarat pertama Majlis Perdagangan Malaysia (MPM) pada 28 Februari lalu, Perdana Menteri berkata, konsep negara maju bukan sahaja merangkumi konteks ekonomi tetapi juga meliputi politik, sosial dan budaya.

Mengenai keputusan MT menyampaikan usul Perhimpunan Agung Umno Mengenai Raja Berperlembagaan kepada raja-raja, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, raja-raja memahami maksud Umno bukan untuk menghapuskan Raja Berperlembagaan tetapi menentukan tafsiran sebenar sistem itu serta fungsi raja dalam perundangan.